



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**APLIKASI VIDEO PARALLAX MENERUSI KARYA FOTOGRAFI
“MINIATUR”**

Siti Fatimah Binti Mohammed Rais

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Seni Halus)
2018**

**APLIKASI VIDEO PARALLAX MENERUSI KARYA FOTOGRAFI
“MINIATUR”**

SITI FATIMAH BINTI MOHAMMED RAIS

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Please tick (v)

Final Year Project Report	<input checked="" type="checkbox"/>
Masters	<input type="checkbox"/>
PhD	<input type="checkbox"/>

Grade: _____

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the Thursday of Mei 2018.

Student's Declaration:

I SITI FATIMAH BINTI MOHAMMED RAIS (48958) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART shereby declare that the work entitled APLIKASI VIDEO PARALLAX MENERUSI KARYA FOTOGRAFI "MINIATUR" is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

8/6/2018

Date submitted

Siti Fatimah (48958)

Supervisor's Declaration:

I, ZAMHARI BIN ASBOL hereby certifies that the work entitled **APLIKASI VIDEO PARALLAX MENERUSI KARYA FOTOGRAFI "MINIATUR"** prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

Date: 6 June 2014

Mohamad Zamhari bin Abol Hassan

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√) :

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(Date: 27/6/2018)



Supervisor signature: _____
(Date: 8 June 2018)



Current Address:

P112 KM34 , KAMPUNG SUNGAI BATANG , 36200 SELEKOH , PERAK..

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk **APLIKASI VIDEO PARALLAX MENERUSI KARYA FOTOGRAFI “MINIATUR”** telah disediakan oleh **SITI FATIMAH BINTI MOHAMMED RAIS** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa
oleh:

Mohamad Zamhari bin Abol Hassan

Tarikh:

8 June 2016

PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **SITI FATIMAH BINTI MOHAMMED RAIS** disertai penulisan yang bertajuk **APLIKASI VIDEO PARALLAX MENERUSI KARYA FOTOGRAFI “MINIATUR”** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program **Seni Halus** diterima.

Disahkan oleh:

Mohamad Zamhari bin Abol Hassan

Penyelia

PENGHARGAAN

Penulisan ilmiah ini berjaya disiapkan dengan baik dengan izin Allah S.W.T dan saya bersyukur dengan berkat kurniaNya. Saya ingin meramkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif serta pensyarah yang terlibat mendidik saya sepanjang tempoh pengajian selama ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Encik Zamhari Bin Asbol yang banyak membantu saya melaksanakan kajian ini serta berkongsi ilmu bagi menjayakan projek tahun akhir ini disiapkan. Tidak lupa juga pensyarah lain yang telah mendidik saya sepanjang semester hingga ke pengakhiran semester. Jasa anda semua sangat saya hargai dan jadikan ilmu yang telah diberikan dapat digunakan pada masa yang akan datang.

Akhir sekali , terima kasih saya ucapkan kepada keluarga dan rakan - rakan sepanjang awal dan akhir semester yang banyak membantu dari segi ilmu , wang ringgit dan dorongan sehingga berjaya menyiapkan projek tahun akhir ini. Saya berharap penulisan ini dapat dijadikan rujukan yang berguna untuk generasi yang akan datang dan semua orang dapat memperolah kejayaan yang baik pada masa akan datang.

Sekian , Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Pengakuan	i
Pengesahan	ii
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	iv-vi
Abstrak	vii
Abstract	viii
Bab 1 : Pengenalaan	1
1.0 Pengenalan	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian	3-4
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
Bab 2 : Soroton Kajian	7
2.0 Sorotan Kajian	7-8
Bab 3 : Metadologi	9
3.0 Metadologi	9-11
Bab 4 : Kajian Terhadap Artis Rujukan	12
4.0 Pengenalan	12
4.1 Artis Rujukan Pertama – Carl Warner	13-14
4.2 Artis Rujukan Kedua – Joshua Smith	15-16

4.3 Artis Rujukan Ketiga – Sam Kolder	17-19
4.4 Kajian Terhadap Teknik Penghasilan Karya Pilihan	20
4.5 Pengenalan	20
4.6 Karya – karya Carl Warner	21-24
4.7 Karya – karya Joshua Smith	25-26
4.8 Karya-karya Sam Kolder	27-28
Bab 5 : Dapatan Kajian	29
5.0 Pengenalan	29
5.1 Kajian Penghasilan Gambar Karya Pertama dan Perbincangan	30-31
5.2 Kajian Penghasilan Gambar Karya Kedua dan Perbincangan	32-33
5.3 Kajian Penghasilan Gambar Karya Ketiga dan Perbincangan	34-35
5.4 Kajian Penghasilan Gambar Karya Keempat dan Perbincangan	36-37
5.5 Kajian Penghasilan Gambar Karya Kelima dan Perbincangan	38-39
5.6 PENGHASILAN KARYA AKHIR	40
5.6.1 Fotografi Miniatur Landskap Makanan	41
5.6.2 Media	41
5.6.3 Pendekatan	41-42
5.7 Proses Penghasilan Karya Peribadi dan Lakaran Awal	43-58
5.8 Kesimpulan	59
BIBLIOGRAFI	60

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan bagi mengkaji kaedah penghasilan yang berkesan melalui pendekatan fotografi miniatur terhadap subjek makanan. Dengan mengenal pasti dan menganalisa kaedah yang digunakan oleh artis rujukan pengkaji akan mengolah karya melalui rujukan artis yang telah dibuat. Kaedah yang berjaya dihasilkan akan dijadikan sebagai suatu karya fotografi miniatur melalui pemilihan subjek makanan yang sesuai. Imej yang telah berjaya dihasilkan akan disunting menjadi satu persembahan video parallax untuk dilihat oleh audien. Persoalan kajian dan objektif kajian akan diselidik oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang akan dibuat nanti.

ABSTRACT

This study aims to investigate the method of effective production through a miniature photography approach to food subjects. By identifying and analyzing the methods used by the artist's reference artist to process the work through the artist's references that have been made. Successful methods will be used as a miniature photographic work through the selection of appropriate food subjects. The images that have been successfully produced will be edited into a parallax video presentation for the audience to see. The question and research questions will be investigated by the researcher to obtain information about the research to be done later.

BAB 1

1.0 PENGENALAN

Kajian ini dihasilkan untuk mengenalpasti teknik-teknik fotografi dan kesan video parallax dalam penghasilan objek miniatur makanan yang berkesan serta mudah untuk diaplikasikan. Selain itu, kajian ini juga akan memperlihatkan kaedah dan hasil karya fotografi miniatur melalui pelbagai komposisi lanskap dalam pendekatan fotografi sewaktu menghasilkan gambar. Selain itu, penggunaan suntingan kesan parallax akan diaplikasikan untuk mempersebahkan karya dalam bentuk video. Perbezaan komposisi objek miniatur makanan akan menghasilkan kedudukan gambar yang berbeza. Kajian saya pada kali ini akan menggunakan subjek seperti makanan, sayuran, buah-buahan tempatan dan diolah menjadi objek mimesis makanan lanskap. Pengkaji akan mempersebahkan karya akhir ini kepada audien dalam bentuk “installasi” iaitu dengan menggunakan kaedah fotografi “miniature” dan penggunaan kesan video parallax.

Dengan berpandukan karya artis fotografi lanskap iaitu Carl Warner sebagai pengkaji saya akan meneliti dan memahami gaya penyampaian karya beliau sebagai rujukan saya. Menurut Carl Warner (2014) membuat lanskap daripada makanan seolah-olah seperti satu perkara yang agak luar biasa untuk dilakukan dalam kehidupan. Penulis ada menyatakan bahawa membuat karya ini seolah-olah memberi motivasi dan mempunyai idea kepada orang lain untuk membuat perkara yang luar biasa.

Di sini saya sebagai pengkaji melihat bahawa membuat landskap daripada makanan adalah pekerja yang agak luar biasa atau lebih mencabar. Walaubagaimanapun, kajian saya di sini lebih menfokuskan kepada penghasilan objek landskap fotografi makanan miniatur yang menggunakan kesan video parallax. Kajian ini merupakan kajian yang mengkaji teknik-teknik penghasilan objek lanskap makanan fotografi miniatur yang berkesan untuk diaplikasikan dalam karya. Hasil pembuatan fotografi miniatur akan dipersembahkan dalam karya kesan video parallax.

Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat membezakan hasil karya fotografi imej pegun dan penggunaan video parallax. Kajian ini juga, berfokuskan ciri-ciri dan klasifikasi teknik dalam penghasilan fotografi landskap miniatur. Pengkaji juga akan melihat dari pelbagai aspek untuk melakukan kajian ini. Antaranya,dari segi pencahayaan dan juga teknik yang sesuai untuk menghasilkan fotografi miniatur landskap makanan ini. Pengkaji akan menggunakan kaedah primer iaitu menggunakan laman web , eksperimentasi dan juga pemerhatian. Kaedah sekunder pula pengkaji akan merujuk buku rujukan dan merujuk hasil kajian yang lepas.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kaedah penghasilan fotografi dan teknik menghasilkan karya fotografi memang mudah untuk diaplikasikan jika dapat diketahui dengan betul. Walaubagaimanapun tidak semua jurugambar dapat mengetahui teknim penghasilan fotografi miniatur dan mengaplikasikan imej pegun yang telah dirakam menjadi karya video “parallax”. Dalam kajian , pengkaji bertujuan untuk mengenal pasti teknik - teknik fotografi miniatur dan kesan penggunaan video parallax untuk diaplikasikan dalam pembuatan karya akhir. Kaedah dan hasil karya akhir fotografi miniatur juga akan dikaji dari segi pelbagai komposisi landskap melalui kaedah pemerhatian terhadap artis rujukan yang dikaji oleh pengkaji sebelum ini.

Fotografi miniatur yang dihasilkan juga akan mempunyai gaya penyampaian maksud yang tersendiri oleh pengkaji sewaktu penghasilan karya akhir. Dengan berpandukan konsep “ Surrealisme” dan mengaplikasikan dalam penghasilan karya akhir. Menurut Sidek.F (2014) fotografi bukan setakat medium yang menyampaikan imej-imej kewartawanan didada akhbar, majalah atau buku namun jika ditangani secara baik dengan sarat dengan isi kandungan serta disampaikan secara berseni, ianya juga boleh meninggalkan pesan yang mungkin mengubah cara pemikiran kita secara positif tentang sesuatu peristiwa yang berlaku. Melalui pernyataan beliau ini , pengkaji simpulkan bahawa imej penghasilan dan karya akhir yang akan dibuat perlu mempunyai isi kandungan yang baik , berseni dan memberi kefahaman yang baik kepada audien. Pengkaji bukan sahaja akan menghasilkan imej pegun yang tidak mempunyai maksud dan sekadar hanya untuk dipandang tetapi hasil akhir karya dengan penggunaan kesan video “parallax” akan diaplikasikan oleh pengkaji sendiri.

Melalui penghasilan kaedah teknik , karya fotografi miniatur akan dihasilkan melalui pelbagai komposisi dalam elemen fotografi. Penggunaan bahan dan medium seperti makanan sebagai contoh subjek buah - buahan dan sayur sayuran serta bahan tambahan seperti kad plastik , kayu , pewarna dan pelbagai bahan lagi akan diaplikasikan. Penggunaan teknik fotografi di dalam studio akan diaplikasikan oleh pengkaji dan membuat pemerhatian juga terhadap teknik penghasilan fotografi di luar studio dengan melihat penggunaan cahaya semula jadi. Elemen penggunaan bahan semula jadi dan bahan terpakai akan diaplikasikan oleh pengkaji dan diguna pakai dalam penghasilan karya akhir.

Hasil karya imej pegun akan dihasilkan dan disunting menjadi video “ parallax” dalam hasil karya akhir. Penggunaan aplikasi komputer terkini iaitu “adobe premier pro” dan “adobe after effect” akan diguna pakai oleh pengkaji. Melalui hasil kajian yang telah dilakukan dan persembahan karya kepada audien dalam bentuk video , pengkaji akan menilai kritikan dan pendapat oleh audien lain untuk memperbaiki hasil karya dengan lebih baik pada masa akan datang. Diharap kajian ini dapat memberikan pemahaman yang baik kepada audien dan boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi menghasilkan karya yang lebih baik pada masa akan datang.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam menghasilkan karya fotografi sekarang saya sebagai pengkaji melihat banyak karya fotografi yang mengutamakan imej berkonsepkan potret dan landskap yang hanya berbentuk imej 2D. Karya ini juga dilihat sebagai satu bentuk imej pegun yang hanya digunakan untuk digantung di ruang dinding sahaja. Menurut Sidek.F (2012) fotografi hanya merakamkan kejadian-kejadian yang berlaku seolah-olah memberi makna ke atas rakaman visual, jika kita memberi makna adakah kita pasti tentang makna yang kita maknakan dan tidak mengangapnya sebagai kod baru visual dalam pengolahan idea, dan dengan idea-idea yang datang inilah akan mencambahkan satu ilmu baru dalam kehidupan kita. Beliau ada menyatakan lagi bahawa jurugambar sekarang hanya mempersebahkan karya fotografi hanya dalam bentuk imej 2D sahaja tanpa mengaplikasikan kaedah lain yang lebih mencabar. Sebagai pengkaji saya menyimpulkan bahawa jurugambar yang ada di Malaysia ini sukar untuk mengaplikasikan kaedah lain dalam penyampaian karya fotografi. Sebagai pengkaji juga saya ingin membuat karya fotografi miniatur dan menggunakan kesan video parallax yang dapat dijadikan sebagai karya fotografi era moden ini yang menggunakan konsep video sebagai penyampaian karya.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah yang diklasifikasikan objek lanskap makanan sebagai karya dalam konteks fotografi “miniature” dan penggunaan video parallax.
- ii. Apakah teknik yang sesuai dalam penghasilan karya lanskap objek makanan sebagai karya fotografi ”miniature”.
- iii. Bagaimanakah cara yang boleh dipraktikan dalam penghasilan objek makanan dalam karya fotografi miniature, sebagai karya video parallax ?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti ciri-ciri dan klasifikasikan pembuatan objek lanskap makanan yang boleh dijadikan sebagai karya fotografi.
- ii. Menganalisis teknik yang sesuai sewaktu penghasilan karya objek lanskap makanan dalam penghasilan karya fotografi “miniature”
- iii. Mengaplikasikan hasil karya fotografi miniatur yang telah dibuat sebagai karya seni video parallax kepada audien.

BAB 2 (SOROTAN KAJIAN)

2.0 SOROTAN KAJIAN

Latar belakang kajian yang ditulis adalah bertujuan untuk menerangkan maklumat dan penyelidikan semasa dan yang terdahulu. Kajian ini sangat penting bagi mengenal pasti hasil dapatan kajian setelah melakukan penyelidikan. Menurut Nik Suzila (n.d) sorotan kajian merupakan pernyataan atau fakta yang menyokong sesuatu objektif. Perkara ini membuktikan bahawa teori yang digunakan bukanlah hanya rekaan. Di dalam sorotan kajian ini mengandungi pernyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian berkenaan tajuk yang dipilih penyelidik. Sumber-sumber kajian boleh diambil daripada artikel, jurnal, tesis atau kenyataan daripada seseorang pakar.. Selain itu, metodologi juga menerangkan cara sesuatu masalah disiasat dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu yang digunakan.. Pengkaji simpulkan bahawa sorotan kajian sangat penting bagi mengenal pasti akan kajian lepas dan dapat dijadikan sebagai sumber maklumat penting. Menurut Dr. Deryck D. Patron (2009) penyelidikan metodologi ditakrifkan sebagai aktiviti manusia secara intelek yang digunakan dalam kajian penyiasatan dan bagaimana cara data dikumpul analisis dan ditafsirkan. Menurut beliau lagi penyelidikan metodologi adalah untuk membantu memahami dengan lebih luas lagi tentang pengaplikasian kaedah membuat huraian tentang proses kajian.

Dalam konteks kajian , pengkaji ingin mengkaji penghasilan karya objek lanskap makanan dalam penghasilan karya fotografi “miniature”. Pengkaji akan mengumpul segala maklumat dan data yang lepas bagi memastikan kajian yang dibuat dapat memenuhi piawaian yang diberikan.

Dalam kajian ini saya juga telah merujuk buku penulisan Langford.M dan Andrews. P (2009) menyatakan bahawa fotografi ialah lebih kepada satu bentuk visual dari segi aspek teknikal dalam konteks fotografi. Menurut beliau , fotografi membincangkan untuk mengenal corak,garisan , warna dan juga ton dalam subjek gambar sewaktu mengambil gambar. Visual dalam bentuk fotografi miniatur akan saya jadikan dalam bentuk imej yang mempunyai elemen corak , garisan , warna dan juga ton dalam kajian dan karya yang akan saya hasilkan.

Menurut Dwi Sudarman Sudjono (2017) sebuah foto seni miniatur berhasil ketika keunikan susuk miniatur itu muncul dan dikemas dengan konsep yang menarik. Sebagai pengkaji saya akan merujuk artis rujukan tambahan dari indonesia ini sebagai artis rujukan mengenai teknik penghasilan dan konsep. Beliau ada menyatakan lagi dalam karya sebelum penghasilan miniatur iaitu “ siapkan konsep dengan matang, seterusnya hadirkan objek pembanding iaitu barang-barang yang ada di sekitar kita untuk menunjukan betapa kerdilnya miniatur figura ini”. Gerak kerja dan teknik beliau akan dijadikan sebagai sumber rujukan yang berguna buat saya sebagai pengkaji.

Kesimpulannya , hasil pemerhatian dan teknik terhadap artis dan karya rujukan artis terdahulu akan dijadikan sebagai sumber rujukan utama pengkaji. Konsep dan idea mereka serta kajian teknik yang terdahulu dapat membantu pengkaji untuk memgenal pasti teknik yang boleh diaplikasikan dan memudahkan penghasilan karya akhir untuk dilakukan.

BAB 3 (METODOLOGI)

3.0 METODOLOGI

Rasional kajian ini, adalah untuk mengkaji teknik-teknik fotografi miniatur dalam penghasilan objek lanskap makanan .Selain itu kajian ini juga akan mengkaji cara yang boleh dipraktikan dan diaplikasi ke dalam karya untuk mendapatkan hasil karya yang menarik. Pengkaji juga akan mengkaji peralatan yang digunakan untuk penghasilan karya ini. Di dalam karya akhir pula pengkaji akan mempersesembahkan karya fotografi miniatur dalam bentuk video parallax.

Melalui kaedah eksperimentasi, saya sebagai pengkaji akan merujuk semula setiap sumber dan kajian lepas bagi melihat kekurangan dan kelebihan sewaktu mengkaji kajian ini. Kajian ini juga akan memperlihatkan suntingan teknik penghasilan imej fantasi landskap makanan yang menggunakan perisian edobe photoshop. Selain itu, pengkaji dapat menunjukkan sama ada wujud perbezaan karya artis dengan karya pengkaji. Bagi melihat hasil karya yang berbeza , pengkaji akan mengambil inisiatif untuk membuat kajian teknik fotografi di dalam dan luar studio. Penggunaan pelbagai alatan seperti kamera DSLR , lampu pencahayaan studio dan perisian aplikasi komputer seperti “adobe photoshop” , “adobe premier pro ‘ dan “adobe after effect “ akan diguna pakai oleh pengkaji. Sebagai contoh karya fotografi miniatur oleh artis rujukan bernama Carl Warner dihasilkan di dalam studio dan karya artis fotografi miniatur dari indonesia iaitu Dwi Sudaman Sudjono banyak menghasilkan karya di luar studio dengan menggunakan cahaya semula jadi.

Bagi mendapatkan maklumat kajian lain, pengkaji akan melakukan pemerhatian dengan melihat perbezaan teknik fotografi landskap miniature, dan teknik penghasilan objek makanan bagi memastikan pengkaji faham akan perbezaan disetiap sudut yang digunakan. Pemerhatian karya artis fotografi miniatur seperti Carl Warner dan Joshua Smith akan pengkaji membuat kajian. Pemerhatian penggunaan bahan dan medium yang dihasilkan begitu penting untuk menghasilkan kaedah dan teknik yang bersesuaian. Melalui karya bertajuk “23 Temple Street” yang dibuat oleh Joshua Smith penggunaan bahan seperti bahan terpakai banyak digunakan oleh beliau. Kita boleh lihat juga artis bernama Carl Warner yang banyak menggunakan subjek makanan dalam penghasilan karya.

Seterusnya pengkaji juga akan melihat imej yang ada dalam sumber yang dipercayai untuk menghasilkan kajian ini. Pengkaji juga akan melihat karya-karya artis sebagai rujukan untuk kajian ini. Dengan melihat imej rujukan karya pengkaji dapat mengaplikasikan konsep idea dan gaya penyampaian hasil karya akhir kepada audien. Bukan sahaja artis di dalam negara yang dijadikan sebagai sumber rujukan tetapi karya artis luar negara sahaja pengkaji akan menjadikan sebagai sumber rujukan dalam pemerhatian imej. Imej yang dipilih oleh pengkaji akan dijadikan sebagai sumber rujukan artis pada bab lain. Imej yang dipilih akan dikenal pasti mengenai teknik penghasilan karya fotografi miniatur , konsep , idea dan kaedah yang boleh diguna pakai oleh pengkaji bagi menghasilkan karya akhir .

Pemilihan imej yang bersesuai sangat penting untuk dijadikan sebagai sumber rujukan lain selepas mengetahui teknik dan kaedah oleh artis lain yang pernah membuat karya fotografi miniatur.

Laman web juga merupakan sumber pengkaji untuk mengkaji kajian ini. Laman web yang akan dijadikan sebagai rujukan ialah dari artis pengkaji sendiri iaitu Carl Warner. Pengkaji akan melihat dari segi teknik dan perbezaan kajian artis rujukan sebelum mempraktikkan kajian ini bagi mendapatkan hasil. Pengkaji juga akan merujuk artis video iaitu Sam Kolder sebagai rujukan utama. Antara laman web lain yang pengkaji akan rujuk dalam penghasilan teknik fotografi miniatur ialah <http://www.tiltshiftphotography.net/> yang banyak memberi maklumat berkaitan teknik dan hasil karya miniatur. Kajian ini juga akan menggunakan kaedah buku rujukan yang boleh dipercayai. Buku rujukan merupakan sumber penting pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang dapat memberi info kepada pengkaji. Kaedah kajian lepas juga akan digunakan oleh pengkaji sendiri. Bagi memastikan akan kepelbagaian jenis kajian. Setiap pengkaji pasti mempunyai kaedah dan pendekatan yang berbeza sewaktu menghasilkan kajian. Pengkaji akan membaca hasil kajian lepas untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini.

BAB 4

Kajian Terhadap Artis Rujukan

4.0 Pengenalan

Kajian dalam bab ini pengkaji akan mengkaji artis rujukan yang dipilih bagi menghasilkan karya akhir. Artis rujukan dipilih bagi mengetahui teknik penghasilan karya dan konsep yang boleh dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji. Artis luar negara yang dijadikan sebagai sumber rujukan pengkaji ialah Carl Warner iaitu pengkarya fotografi makanan , Joshua Smith iaitu artis tegar dalam penghasilan fotografi miniatur dan artis penghasilan video iaitu Sam Kolder. Karya pilihan mereka akan dikaji oleh pengkaji untuk mengetahui teknik dan kaedah penghasilan karya untuk diaplikasikan oleh pengkaji bagi menghasilkan karya. Persembahan, teknik dan kaedah penghasilan begitu penting bagi mengetahui teknik penghasilan artis menghasilkan karya. Teknik kajian akan dikaji untuk mendapatkan maklumat untuk diadaptasikan ke dalam karya peribadi bagi pengkaji dapat menghasilkan karya yang dapat memberi pengetahuan kepada audien.

4.1 Artis Rujukan Pertama – Carl Warner

Carl Warner merupakan artis luar negara yang berasal dari England. Dilahirkan di Liverpool pada tahun 1963. Carl Warner adalah pelajar jurusan Seni di Kolej Maidstone sebagai pelukis tetapi beliau mencari pengetahuan baru mengenai idea dan teknik kreatif untuk menjadi seorang jurugambar. Karya pilihan yang dikaji oleh pengkaji ialah “The London Skyline (2011)“ dan “ Brocoli Forest (2010).



Figura 4.1.1 “The London Skyline (2015)“

Figura di atas merupakan karya fotografi miniatur yang dibuat oleh Carl Warner. Gambar ini diambil di dalam studio fotografi beliau. Projek penghasilan gambar ini diadaptasikan daripada hasil rujukan Bandar London yang diolah dalam bentuk subjek makanan. Antara subjek bangunan yang diolah menjadi subjek makanan ialah “The Chrysler Building” dan “The London Eye”. Jika dilihat penggunaan subjek makanan iaitu buah-buahan dan sayur-sayuran digunakan untuk menghasilkan karya ini.